

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sebelas

Daud dan Abigail Mentamsilkan Kristus yang Berperang dan Gereja yang Berperang

Bacaan Bible: 1 Sam. 25:2-42; Ef. 5:25-27; 6:10-13; Wahi 19:7-9, 11-21;

Ibr. 6:19; 10:19-20; 13:13

I. Satu Samuel 25:1b-44 ialah catatan tentang Daud menanggulangi Nabal dan Abigail:

- A. Dalam bab ini kita melihat kearifan Abigail semasa meredakan Daud—ay. 23-31.
- B. Daud respons kepada rayuan Abigail dengan memuji Yehova yang menghantar Abigail untuk bertemu dengannya, dan juga memberkati Abigail kerana menahannya daripada menumpahkan darah dan daripada menuntut bela untuk dirinya dengan tangan dia sendiri—ay. 32-35.
- C. Kecantikan dan kearifan Abigail telah menawan Daud; selepas kematian Nabal, Daud mengambilnya sebagai isterinya dan dia menjadi pasangannya dalam peperangan—ay. 36-44.

II. Daud mentamsilkan Kristus yang berperang di tengah-tengah penderitaan—ay. 28:

- A. Daud mentamsilkan Tuan Yesus sebagai manusia dalam penderitaan-Nya di bumi sebelum kebangkitan-Nya; penderitaan Daud adalah untuk menakluki musuh yang merampas dan untuk memperoleh tanah permai, iaitu tapak untuk pembinaan Tuhan—Mzm. 69:1-9.
- B. Daud didirikan Tuhan diperlihatkan dalam kemenangannya yang berulang kali atas orang Filistin; oleh itu, dia ialah tamsil bagi Kristus pejuang itu—2 Sam. 5:17-25.
- C. Oleh sebab Yehova ialah Pejuang yang berperang untuk kita serta jaya gemilang atas semua musuh kita, Dia ialah kejayaan gemilang kita, kemenangan kita—Kel. 17:8-16.
- D. Mazmur 110:5-6 mewahikan bahawa selain menjadi Raja dan Hentar, Kristus ialah Pejuang:
 1. Pada hari kemurkaan-Nya ketika Kristus kembali, Dia akan menjadi Pemenang yang terbesar, jayeng atas semua bangsa, menghancurkan raja-raja dan kepala musuh, serta melaksanakan penghakiman dalam kalangan orang yang menentang-Nya—ay. 1-2, 5-6.
 2. Menurut Wahi 19:11-14, semasa Dia kembali, Kristus akan menjadi Dia yang berperang:
 - a. Tuan tidak akan berperang bersendirian dengan Antikristus dan bala tentera bangsa-bangsa.
 - b. Kristus akan datang bersama dengan pengantin-Nya yang merupakan angkatan tentera-Nya, dan bersama dengannya Dia akan berperang dengan Antikristus serta bala tenteranya—ay. 7-9.
- E. Kristus Pejuang itu ialah Kristus yang jayeng—Yoh. 12:31; Ef. 4:8; Ibr. 2:14:
 1. Dalam ministri-Nya di bumi, Kristus yang jayeng telah mengalahkan iblis dan membinasakan kerja-kerjanya—Mat. 4:1-11; 1 Yoh. 3:8.
 2. Dalam penyaliban-Nya, Kristus yang jayeng telah mengusir keluar pemerintah dunia ini, menghapuskan iblis, melucutkan pemerintah dan penguasa, serta menyingkirkan maut—Yoh. 12:31; Mat. 27:51; Ibr. 2:14; Kol. 2:15; 2 Tim. 1:10.
 3. Kebangkitan Kristus yang jayeng mengisytiharkan bahawa Dia jayeng atas maut—2:8.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Sebelas (sambungan)

4. Dalam kenaikan-Nya ke syurga, Kristus yang jayeng “menawan orang yang telah ditawan”; Dia membebaskan kita daripada tangan Syaitan yang merampas dan membawa kita ke tempat tertinggi dalam alam semesta—Ef. 2:6; 4:8.
5. Kristus yang jayeng akan datang sebagai Jeneral yang berjuang, yakni Pejuang, bersama dengan angkatan tentera-Nya untuk berperang dengan Antikristus, raja-raja di bawahnya, dan tentera mereka di Harmagedon—Wahi 19:11-21.

III. Abigail mentamsilkan gereja yang berperang di tengah-tengah penderitaan— 1 Sam. 25:2-42:

- A. Bermula dari 1 Samuel 25, Abigail sentiasa berada di sisi Daud pahlawan itu dan mengikut Daud dalam peperangannya—ay. 40-42:
 1. Abigail berkahwin dengan Daud mentamsilkan gereja diambil masuk sebagai angkatan tentera untuk peperangan—Ef. 6:10-20.
 2. Abigail mentamsilkan gereja yang berperang, yang berjuang untuk kingdom Tuhan di tengah-tengah penderitaan—Wahi 1:9; 11:15; 12:10.
- B. Tamsil bagi Abigail menggambarkan perlunya kita bersatu dengan Kristus dalam penderitaan-Nya—Flp. 3:10; Kol. 1:24; Wahi 1:9:
 1. Kesengsaraan Kristus terdiri daripada dua kategori: pertama, untuk menyempurnakan penebusan; ini telah dilengkapi Kristus sendiri; kedua, untuk menghasilkan dan membina gereja; ini perlu dipenuhi para dutus dan percayawan—Kol. 1:24.
 2. Paulus mengaitkan kesengsaraan Kristus dengan penyelenggaraan Tuhan; hakikat ini menunjukkan bahawa penyelenggaraan hanya dapat dilaksanakan menerusi penderitaan—ay. 25:
 - a. Jika kita ingin berbahagian dalam penyelenggaraan Tuhan, kita harus bersedia untuk menderita—Wahi 1:9; 2 Kor. 1:3-6.
 - b. Semua yang berbahagian dalam pelayanan gereja atau dalam ministri harus bersedia untuk berbahagian dalam kesengsaraan seorang penyelenggara; ini bermaksud kita harus rela membayar apa-apa jua harga yang diperlukan untuk menggenapkan penyelenggaraan kita—4:10-12; Yoh. 12:24-26.
- C. Tamsil bagi Abigail menggambarkan gereja menyertai Tuan Yesus dalam peperangan rohani—Ef. 6:10-20:
 1. Gereja sebagai pasangan Kristus, pengantin-Nya, diwahikan dalam Efesus 5:25-27, dan pasangan ini menjadi pahlawan, pejuang, dalam Efesus 6:10-13:
 - a. Efesus 5 dan 6 akan digenapkan dalam Wahi 19.
 - b. Totaliti pejayeng ini menjadi pengantin untuk menjadi pasangan Kristus (ay. 7-9), dan pasangan ini menjadi angkatan tentera Kristus untuk menewaskan Antikristus di Harmagedon (ay. 11-21).
 2. Bukan sahaja tujuan abadi Tuhan harus digenapi dan hasrat hati-Nya harus dipuaskan, bahkan musuh Tuhan juga harus ditewaskan; untuk ini, gereja harus menjadi pejuang—Ef. 1:11; 3:9-11; 6:10-12.
 3. Peperangan rohani diperlukan kerana tekad Syaitan bertentangan dengan tekad Tuhan—Mat. 6:10; 7:21; Yes. 14:12-14:
 - a. Peperangan rohani berpunca daripada konflik antara tekad Tuhan dengan tekad Syaitan.
 - b. Sebagai gereja, kita berjuang untuk menundukkan tekad Syaitan dan menewaskan musuh Tuhan—Wahi 12:11.
 4. Syaitan gentar akan gereja sebagai Tubuh Kristus, iaitu pejuang korporat yang berperang dengannya dan kingdomnya—Kid. 6:10; Ef. 6:10-20.

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Sebelas (sambungan)

5. Kristus akan berkahwin dengan orang yang telah bertahun-tahun berperang menentang musuh Tuhan—Wahi 19:7-9, 11-16.
6. Para pejayeng yang mengkonstitusikan pengantin Kristus berperang dengan semua musuh Tuhan dan menewaskan mereka untuk membawa masuk kingdom Tuhan—2:7, 11, 17, 26; 3:5, 12, 21; 11:15; 12:10.

IV. Tamsil bagi Abigail menggambarkan percayawan yang keluar kepada Yesus di luar kem, menanggung celaan yang dideritai-Nya—Ibr. 13:13:

- A. Kehidupan Kristian kita mempunyai dua aspek—aspek dalaman dan aspek luaran—Ibr. 6:19-20; 13:13:
 1. Aspek dalaman ditamsilkan oleh Sulamit, dan aspek luaran pula ditamsilkan oleh Abigail—Kid. 6:4, 10, 13; Ibr. 13:13.
 2. Dari satu segi, kita berada di sebelah dalam tirai, dalam Tempat Maha Kudus; dari segi yang lain, kita berada di luar kota, iaitu di luar kem, di hadapan manusia—Ibr. 6:19-20; 13:13.
 - a. Di dalam, kita menikmati Kristus yang bangkit; di luar, kita mengikut Yesus—6:19; 13:13.
 - b. Apabila kita menyentuh Tuan dalam kamar dalaman, dalam Tempat Maha Kudus, dalam tempat tersembunyi, kita boleh disamakan dengan Sulamit—10:19-20; Kid. 1:4; 4:10; 6:13.
 - c. Apabila kita bersaksi untuk Tuan dan bekerja untuk Tuan dalam kehidupan luaran kita, kita boleh disamakan dengan Abigail yang mengembara bersama dengan Daud di gurun tandus—1 Sam. 25:40-42.
- B. Setiap hari kita dapat mengalami dua aspek ini—Ibr. 6:19-20; 10:19-20; 13:13:
 1. Kita berada di sebelah dalam tirai seperti Sulamit, hidup dalam Tempat Maha Kudus dan menikmati Kristus yang bangkit serta dimuliakan, dan kita berada di luar kem seperti Abigail, hidup di dunia dan mengikut Yesus yang rendah diri—6:19-20; 13:13.
 2. Seperti Sulamit dan Salomo, kita kekal berada dalam istana-istana gading dan bersekutu dengan Tuan di dalam, dan seperti Abigail, di luar kita hidup dan bekerja dengan mengikut Daud berperang dan menderita—Mzm. 45:8; 1 Sam. 25:40-42.
 3. Dia yang berada dalam kita ialah Kristus yang bangkit, manakala Dia yang berada di luar ialah Yesus orang Nazaret—Wahi 1:17-18; Mat. 2:23.
 4. Di dalam, kita mempunyai kenikmatan Sulamit dalam tempat tersembunyi; di luar, kita mempunyai kehidupan Abigail secara terbuka.
- C. Apabila seorang percayawan dalam Kristus keluar dari sebelah dalam tirai, dari kamar dalaman persekutuan, dia dapat mengambil jalan salib dan mengikut Yesus yang menderita—Ibr. 6:19; 10:19-20; 13:13:
 1. Hanya orang yang masuk ke sebelah dalam tirai dapat keluar kepada Yesus di luar kem dan menanggung celaan yang dideritai-Nya—6:19; 10:19-20; 13:13.
 2. Kristus yang bangkit dalam kitalah yang memimpin kita mengikut Yesus yang menderita—ay. 13.
 3. Tuan Yesus telah berjalan di jalan salib dan masuk ke dalam kebangkitan, dan kini Dia sedang memimpin kita, iaitu Abigail-Nya untuk mengambil jalan salib dan mengikut-Nya di luar kem, menanggung celaan yang dideritai-Nya—ay. 13.